

AROWANA BIKIN PESONA

Lelaki jana untung lumayan, pernah jual ikan kelisa Super Red Kalimantan berharga RM17k

HM 2172022 MS: 3

Oleh Ahmad Rabiul Zulkifli
am@hmetro.com.my

Marang

Bermula dengan dua ekor, kini Khairul Anuar Saad, 38, memiliki 50 ekor ikan arowana jenis super red Kalimantan. Menariknya apabila hobi pemuda dari Kampung Alor Lit, Bukit Payung membela ikan kelisa atau arowana jenis Super Red Kalimantan itu memberi pulangan yang sangat lumayan.

Khairul Anuar mengakui arowana jenis Super Red Kalimantan mendapat permintaan dari dalam dan


luar negara.

"Paling mahal saya pernah jual ikan arowana jenis Super Red Kalimantan itu dengan harga RM17,000 seekor pada 7 Syawal lalu.

"Ikan perhiasan itu sentiasa mendapat permintaan dan tempahan diterima cukup tinggi sehingga memerlukan menambah bekalan antara 20 sehingga 40 ekor ikan setiap minggu yang diimport daripada Indonesia.

"Kos memelihara 50 ikan arowana agak mahal kerana mengambil kira aspek makanan dan penjagaan yang menelan belanja RM1,000 sebulan selain bil elektrik juga melambung sehingga RM1,200 sebulan," katanya.

Tambahnya, bagi menaikkan warna merah pada badan arowana itu boleh memakan masa sehingga setahun melalui cara *tanning* iaitu sistem



KHAIRUL Anuar mengeluarkan kos RM1,000 sebulan untuk penjagaan 50 ikan arowana miliknya. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

lampu pencahayaan pada akuarium yang perlu dipasang selama 12 jam setiap hari.

"Selain itu, penjagaannya juga agak rumit hingga memerlukan air ditukar setiap hari bagi mengekalkan kualiti pH dan suhu air, sekali gus memastikan kesihatan ikan itu pada tahap terbaik.

"Penat jaga ikan berbaloi kerana harga seekor ikan arowana bermula RM1,800 dan boleh mencecah RM17,000 jika warna merah pada kulitnya sudah cantik," katanya.



PENJAGAAN ikan arowana agak rumit hingga memerlukan air ditukar setiap hari.

Menurutnya, hobi membela ikan arowana juga berdepan risiko kerugian iaitu kematian terutama melibatkan perjalanan udara dan darat yang jauh daripada negara jiran.

"Oleh itu, tiap tempahan dibuat daripada pembekal di Kalimantan, Indonesia mengambil masa tiga hari untuk tiba di pintu masuk negara di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

"Hal itu antara risiko diambil selain perlu mematuhi permohonan permit dan sijil oleh Jabatan Perikanan," katanya.

Khairul Anuar

Penjagaannya juga agak rumit hingga memerlukan air ditukar setiap hari bagi mengekalkan kualiti pH dan suhu air, sekali gus memastikan kesihatan ikan itu pada tahap terbaik"



HARGA seekor ikan arowana bermula dari RM1,800 dan boleh mencecah RM17,000.